

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: 24 Jun 2021 9:57
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: SOIS Mengorak Langkah Jadi Pusat Pengajian Terkemuka



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

24 JUN 2021 / 14 ZULKAEDAH 1442H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Berita dan gambar oleh: SOIS

SOIS MENGORAK LANGKAH JADI PUSAT PENGAJIAN TERKEMUKA



UUM ONLINE: "Pusat Pengajian Antarabangsa (SOIS) mempunyai potensi besar untuk menjadi pusat pengajian terkemuka pada masa hadapan," kata Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Prof. Dr. Haim Hilman Abdullah dalam pertemuan secara maya dengan warga SOIS, baru-baru ini.

Pada pertemuan itu, Prof. Dr. Haim Hilman telah berkongsi tentang inti pati Gagasan Akademia dan Admin Holistik (GAGAH) UUM 2021-2025 yang dilancarkan pada April lalu.

Menurutnya, GAGAH 2021–2025 bukanlah pelan strategik baharu tetapi ianya adalah gagasan yang menjadi pelengkap kepada Pelan Strategik UUM terutamanya untuk Teras 2 – Kecemerlangan Penyelidikan dan Teras 3 – Kelestarian Kerjasama Industri dan Komuniti.

Katanya, menerusi GAGAH, KPI dan PI Teras 2 akan dipacu oleh ‘Research, Publication, & Innovation Drive (RAPID) Initiative’. Inisiatif RAPID ini terbahagi kepada tiga bahagian iaitu penyelidikan (RAPID 1), penerbitan (RAPID 2), inovasi atau harta intelek (RAPID 3) dan perundingan (RAPID 4).

“Saya berharap warga SOIS untuk terlibat secara aktif dalam menjayakan SQUAD ‘Sustainable Quintuple Helix (SQUAD) Initiative’ yang menjadi pemacu kepada kelangsungan KPI dan PI untuk Teras 3.

“Selain itu, Pusat Kerjasama Universiti – Industri (CUIC) merupakan PTJ yang akan terus diperkasa bagi membantu segala program yang bakal dibangunkan di bawah kerjasama strategik dengan Industri (SQUAD 1) dan komuniti (SQUAD 2),” katanya.

Pada sesi tersebut, warga SOIS telah turut sama memberi pandangan yang membina terutama dalam aspek yang dapat memastikan pembangunan sumber manusia di UUM dapat ditambah baik.

Sementara itu, Dekan SOIS, Dr. Nazariah Osman berkata, warga SOIS akan bersama-sama menyokong Pelan Strategik UUM dan GAGAH bagi memastikan kelangsungan SOIS khususnya dan UUM amnya iaitu untuk terus relevan di pentas nasional, serantau dan antarabangsa.





Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.